


**ADAT**, peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun dalam sesuatu masyarakat sehingga merupakan hukum yang harus dipatuhi. Perkataan 'adat' berasal daripada bahasa Arab bermaksud kebiasaan. Agama Islam mengubah makna adat menjadi 'kebiasaan zaman pra-Islam yang diterima oleh Islam'. Kedatangan Islam ke Alam Melayu membawa konsep ini dengan makna yang lebih luas dan mendalam sehingga merangkumi keseluruhan cara hidup yang sekarang ditakrif sebagai 'kebudayaan' seluruhnya, undang-undang, sistem masyarakat, upacara dan segala macam kebiasaan yang terkecil seperti cara makan atau cara duduk.

Pada masa ini, makna adat dalam masyarakat Melayu sudah semakin khusus sehingga menjadi semakin kecil, yakni upacara kebiasaan serta unsur-unsur masyarakat yang tidak digolongkan sebagai unsur Islam.

Evolusi konsep adat ini dapat dilihat dalam kepelbagaiannya takrif oleh pelbagai masyarakat di Alam Melayu. Bagi masyarakat Melayu tradisional, konsep adat sering kali dimaksudkan dengan beberapa tahap makna yang berlainan.

**Konsep Adat** Antara konsep yang berkait dengan adat termasuklah:



- Adat sebagai kelakuan dan kebiasaan yang betul seperti menghormati orang yang lebih tua dengan menggunakan istilah panggilan pangkat kelahiran atau kekeluargannya.
  - Adat dengan makna khusus, seperti 'bayaran mas kahwin' di Negeri Sembilan atau 'belanja hangus' di Melaka Utara, yakni belanja yang diberikan oleh pihak lelaki bagi suatu istiadat perkahwinan yang dilaksanakan oleh pihak perempuan.
  - Adat sebagai prinsip semula jadi alam, misalnya 'adat api membakar', 'adat air membasah' dan 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah'.
  - Adat sebagai hukum dan undang-undang dalam negara dan masyarakat umum, misalnya hukuman yang dikenakan terhadap pelbagai kesalahan dalam masyarakat ataupun undang-undang adat dalam masyarakat adat perpatih serta pelbagai hukum kanun lama dari zaman Melaka hingga abad ke-20 ini.
  - Adat sebagai segala perlakuan upacara yang sering kali disebut sebagai adat istiadat. Dalam bentuk ini, adat itu termasuk dalam lingkungan bidang kepercayaan dan perlakuan agama serta juga magis. Dalam hal ini, berlaku pertindihan bidang antara adat istiadat dengan upacara, sekali gus juga menjadikan upacara sebagai sebahagian daripada konsep adat yang lebih luas.
  - Adat dengan erti susunan masyarakat dan segala lembaga kemasyarakatannya, seperti sistem kekeluargaan, sistem politik mahupun sistem ekonomi, seperti pemilikan tanah dan pembahagian harta. Institusi kekeluargaan yang lazim dilaksanakan dalam pelbagai masyarakat adalah adat masyarakat itu. Ada masyarakat yang lazim mengamalkan sistem kekeluargaan matrikal dan ada yang neolokal. Demikian juga, ada masyarakat yang membahagi harta serta pemilikan secara faraid dan ada yang secara sama rata. Institusi dan organisasi kemasyarakatan sebagai prinsip penyusunan masyarakat merupakan makna terunggul dalam konsep adat di seluruh Alam Melayu.
- Bagi pelbagai masyarakat di seluruh Alam Melayu seperti Iban, Dusun, Dayak, Batak, Toraja dan sebagainya,

adat masih membawa makna yang amat luas dan serba merangkumi, yakni adat sebagai suatu kebudayaan.

Dalam konsep ini, adat adalah keseluruhan corak hidup atau kebudayaan manusia di alam nyata dan juga menghubungkan manusia dengan alam kosmik yang simbolis dan sejagat. Adat menjadi ciri kehidupan, bukan sahaja manusia dalam lingkungan alam tabiinya, bahkan di kalangan semua makhluk seperti haiwan dan tumbuhan. Malah ciri adat terdapat dalam pergerakan alam tabii itu sendiri, seperti kejadian semula jadi, ribut dan petir, serta segala-gala dalam kosmos adalah kerana mengikut adat alam. Maka hukum alam adalah juga adat.

Pengertian yang amat luas dan mendalam ini tidak lagi berlaku dalam seluruh tanggapan masyarakat Melayu kini kerana bidang tanggapan menyeluruh konsep adat secara tradisional itu sudah dipecahkan oleh pelbagai pengertian khusus dan tepat, yang setiap satunya ditanggap pula secara khusus. Bidang hukum adat sudah menjadi undang-undang. Bidang hukum alam sudah menjadi sains. Bidang kepercayaan sudah menjadi agama. Dengan demikian, pengertian adat kini menjadi sempit dan sering kali dikhususkan kepada upacara sahaja, serta dipertentangkan pula dengan pengertian khusus pada bidang-bidang lain seperti pertentangan dengan agama Islam.

Kini adat sering dimaksudkan hanya sebagai adat istiadat atau upacara tradisional dalam tahap upacara peralihan edaran hidup seseorang manusia dan juga dalam pengertian undang-undang adat.

**Adat Sebagai Upacara** Dalam pengertian ini, adat sudah mendapat makna yang amat sempit. Upacara merangkumi segala perbuatan, kegiatan, peralatan, acara dan perlakuan yang teratur dan tersusun berkait dengan makna kesucian atau kekudusan dalam sesuatu kepercayaan. Upacara atau adat istiadat ini termasuklah segala kegiatan kudus dalam setiap peringkat edaran hidup manusia, daripada kelahiran, remaja, perkahwinan hingga kematian. Dalam pengertian ini, adat merupakan pengucapan lambang terhadap makna dalam daripada kehidupan individu dan masyarakatnya. Misalnya, sebaik sahaja seseorang bayi dilahirkan, bayi lelaki akan diazarkan manakala bayi perempuan akan diqamatkan selaras dengan ajaran agama. Makna daripada pengucapan ini ialah pengenalan terhadap ketuhanan dari saat kelahiran seorang bayi di dunia. Demikian pula diadakan kemudiannya upacara cukur jambul ataupun naik buai. Segala ini ialah lambang permulaan perjalanan manusia dalam edarannya.

Pelbagai upacara ini dianggap sebagai adat dan bukan merupakan ajaran agama tetapi acara adat ini melengkapai ajaran itu. Dengan pengertian ini juga, adat sering dipertentangkan dengan perlakuan Islam sehingga banyak perlakuan adat dikatakan tidak Islam ataupun melanggar akidah Islam. Perlakuan adat di sini sering juga disamakan dengan upacara Hindu dan sekali gus membawa maksud perbuatan bidaah. Misalnya, perlakuan adat bersanding, menggunakan nasi kunyit, bersuap-suapan, berarak, mandi sampat, lenggang perut, perarakan ketika berkhitan dan beberapa lagi perlakuan pada tahap edaran hidup.

Dari segi kebudayaan Melayu, perlakuan itu ialah sistem adat istiadat dalam bentuk upacara. Perlakuan itu adalah pengucapan konkret terhadap nilai yang mahu dinyatakan oleh masyarakat Melayu terhadap tahap penghargaan masyarakat kepada anggotanya. Anak-anak yang baru lahir dihargai dan dinilai tinggi dengan pengajaran mulia serta doa kebaikan. Nilai ini kelihatan pada benda yang dipergunakan dalam upacara adat itu. Misalnya, emas, gula dan garam digunakan dalam upacara cukur jambul ialah nilai dan harapan agar anak akan mewah, senang serta berjaya. Demikian juga makna lambang-lambang lain dalam pelbagai upacara lain.

**Undang-undang Adat** Dalam bidang ini, terdapat pengertian adat yang masih luas tetapi amat khusus sebagai peraturan serta undang-undang yang dilaksanakan bagi melengkapi seluruh sistem perundangan moden dalam masyarakat dan negara. Namun tidak terdapat suatu usaha mentakrif apakah yang dimaksudkan sebagai undang-undang dalam sistem adat.

Di Indonesia, telah didebatkan takrif undang-undang atau hukum dalam adat oleh para sarjana Belanda dan Indonesia dalam pelaksanaan undang-undang moden. Ada dua aliran pemikiran tentang pengertian hukum (undang-undang) ini. Pertama, takrif yang diberikan oleh sarjana utama pengajian hukum adat, van Vollenhoven, iaitu hukum adat sebagai segala peraturan yang diperlakukan dengan adanya hukuman atau *sanction*. Apakah segala perbuatan itu dikenakan hukuman oleh masyarakat, jadilah peraturan atau adat itu hukum atau undang-undang dalam pengertian moden. Tanpa hukuman, peraturan itu hanya kebiasaan. Jadi, undang-undang adat ialah segala peraturan yang mempunyai kesan hukuman dan diakui oleh anggota masyarakat.

Pengertian kedua diberikan oleh murid van Vollenhoven, Ter Haar, yang mentakrif hukum adat sebagai keadaan apabila penguasa adat menjatuhkan keputusan hukuman ke atas perbuatan pelanggar adat. Dengan hukuman yang dijatuhkan oleh seorang ketua masyarakat, peraturan itu menjadi suatu hukum adat. Pengertian ini menekankan kuasa penjawat perundangan yang menjatuhkan hukuman. Jika penguasa adat itu tidak menghukum sesuatu perbuatan, peraturan itu bukan undang-undang adat.

Antara kedua-dua pengertian di atas, ternyata takrif van Vollenhoven menjadi pegangan ramai ahli hukum adat. Adanya kesan atau akibat hukuman daripada suatu peraturan, kebiasaan ataupun norma masyarakat, peraturan, norma atau kebiasaan itu menjadi suatu undang-undang, meskipun peraturan itu atau hukumannya merupakan suatu tindakan yang paling ringan dikenakan terhadap suatu kesalahan.

Kedua-dua pengertian adat di atas telah berlaku sejak zaman kegemilangan Melayu di Melaka hingga kini. Manuscrip undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka* ataupun *Undang-undang Laut Melaka*, *Adat Aceh*, *Adat Palembang*, *Undang-undang 12*, *Undang-undang Kedah*, *Undang-undang 99 Perak* adalah perkanungan hukum adat dan undang-undang Islam yang dipercayai digunakan dalam pemerintahan negeri pada zamannya. Adat dalam

bentuk hukum dan undang-undang mencapai tahap lebih rasmi dan berkuat kuasa dalam pentadbiran negeri dan masyarakat.

Pada zaman penjajahan Belanda di Indonesia dan zaman naungan British di Tanah Melayu serta Pulau Borneo, undang-undang adat dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem perundangan yang membezakan orang Eropah daripada Bumiputera rantau ini. Setiap kelompok Bumiputera serta orang Asia diatur kehidupan mereka melalui undang-undang adat masing-masing. Di Sabah dan Sarawak, setiap kelompok masyarakat Bumiputera mempunyai undang-undang adat mereka yang disebut sebagai *customary law*, serta ditadbir oleh sistem ketua yang pelbagai bentuk. Di seluruh Indonesia, pemerintah Belanda menubuhkan wilayah pelbagai suku bangsa yang dibahagi kepada 19 buah wilayah adat. Setiap wilayah adat merupakan suatu kawasan persamaan adat bagi satu suku bangsa yang sama kebudayaannya. Pentadbiran setiap wilayah adat dilakukan, sama ada dengan meletakkan hakim Belanda dengan bantuan penasihat ketua adat (penghulu) anak negeri ataupun ketua anak negeri itu sendiri yang menjalankan pengadilan, tetapi hanya pada tahap rendah. Para pentadbir undang-undang, terdiri daripada keturunan bangsawan ataupun ketua tempatan bagi satu-satu kawasan.

**Kategori Adat** Dalam masyarakat Melayu kini, pengertian adat sebagai satu bidang yang serba merangkum atau sebagai kebudayaan masih terdapat di wilayah Melayu pesisiran Sumatera Timur dan juga di kalangan masyarakat Minangkabau di Sumatera Barat. Adat di sini ditakrif dalam empat jenis perlakuan, antara manusia dengan alam tabii dan antara manusia dengan manusia. Empat kategori adat tersebut ialah:

- Adat nan sabana adat iaitu hukum tabii alam yang tidak dapat dipinda oleh manusia serta menjadi asas perjalanan proses alam itu sendiri. Hukum alam adalah adat hakiki.

Adat yang sebenar adat juga ialah sebahagian daripada hukum Tuhan yang dipadukan oleh masyarakat dalam adat mereka. Justeru itu, punca kehidupan adat ialah alam – alam terkembang menjadi guru dan juga syariat Tuhan – adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah.

- Adat nan diadatkan ialah segala peraturan, lembaga masyarakat dan keputusan hukum yang dimuafakatkan untuk dilaksanakan dalam masyarakat. Maka bahagian adat ini merupakan segala macam bentuk dan susunan masyarakat, lembaga masyarakat, undang-undang dan juga hukum adat dan boleh mengalami perubahan jika dimuafakat sedemikian, berdasarkan prinsip adat: jika dicabut mati, jika dianjak layu.

- Adat nan teradat ialah segala peraturan yang sedia berlaku melalui penerimaan masyarakat umum tanpa perlu muafakat yang formal. Peraturan seperti ini ialah norma masyarakat umum seperti kepatuhan terhadap orang tua, cara-cara menggunakan segala macam alatan budaya ataupun segala macam kelakuan yang biasa. Adat dianggap sebagai proses dinamik dalam masyarakat yang sentiasa berubah sendirinya.

• Adat istiadat ialah bahagian adat yang mengatur segala macam upacara dan kegiatan suci yang perlu menerima penghormatan awam. Adat istiadat berlaku kerana diamalkan dan dijaga sebaiknya. Jika ditinggalkan, adat istiadat akan pupus. Namun adat istiadat juga tertakluk pada prinsip perubahan melalui muafakat dan perundingan ataupun kesan pengaruh dari luar. Ini banyak kelihatan dalam peringkat upacara edaran hidup manusia.

Jadi, seluruh sistem adat sentiasa tertakluk pada pin dan perubahan melalui muafakat dan persetujuan serta amalan terhadapnya. Dengan demikian, kekekalan dan perubahan ialah proses yang diakui sentiasa berlaku dalam semua ciri kehidupan manusia dan ini menjadi prinsip asas sistem adat.

**Adat Perpatih dan Adat Temenggung** Di Malaysia, adat ditanggap sebagai terbahagi kepada dua jenis iaitu adat perpatih dan adat temenggung.

Sekali imbas pembahagian ini seolah-olah tanggapan asli masyarakat Melayu di Malaysia. Namun penelitian yang mendalam menunjukkan pembahagian ini lebih merupakan penggolongan oleh pengkaji Inggeris yang membezakan antara peraturan adat di Negeri Sembilan dan Naning, Melaka Utara daripada negeri lain di Malaysia.

Pembahagian kepada kedua-dua jenis ini tidak terdapat dalam manuskrip undang-undang Melayu tetapi hanya tersebut dalam teromba atau legenda asal usul adat perpatih. Dalam teromba ini disebutkan bahawa adat itu bermula di Minangkabau, Sumatera. Dalam tambo (teromba) adat di Minangkabau, keadaan berbahagi dua ini disebutkan sebagai 'laras nan dua' yakni penggolongan dua wilayah Minangkabau kepada dua orang pemerintah: wilayah Koto Piliang di bawah Datuk Ketumanggungan dan wilayah Bodi Caniago di bawah Datuk Perpatih nan Sebatang.

Di Malaysia, perbezaan itu diterjemahkan sebagai perbezaan antara undang-undang adat perpatih di Negeri Sembilan dan Naning daripada adat temenggung di negeri-negeri yang lain. Dibandingkan dengan tradisi di Minangkabau, nyatah perbezaan seperti di Malaysia tidak pernah ada. Malah naskhah undang-undang adat dan *Hukum Kanun Melaka* juga tidak pernah menyebut bahawa undang-undang itu ialah adat temenggung. Maka mungkin diandaikan pembahagian adat temenggung dan adat perpatih di Malaysia ini ialah hasil penggolongan undang-undang adat oleh pengkaji dan pentadbir Inggeris dan diterima pula sepenuhnya oleh masyarakat Melayu hingga kini.

Di Sabah dan Sarawak, ternyata berlaku pengertian konsep adat yang lebih luas seperti yang telah disebutkan di kalangan orang Iban. Bukti yang sama kelihatan pada tanggapan bahawa agama tradisional sentiasa disebut sebagai 'adat lama' dan agama baru, terutama Kristian, disebut sebagai adat baru. Di samping itu, pengalaman sejarah di Sarawak pada ketika penyerahan kuasa pemerintahan Brooke kepada pemerintahan British hingga Sarawak menjadi koloni pada tahun 1946 juga ditanggap oleh penduduknya sebagai perubahan daripada adat lama

kepada adat baru.

Pada masa ini, pengertian dan amalan adat telah berubah menurut perkembangan pengetahuan dan ilmu dalam masyarakat. Semakin berkembang ilmu dan pengetahuan atau aspek kognisi dalam masyarakat, semakin tepat dan khusus pula pengertian adat yang dahulunya adalah keseluruhan cara hidup. Kini konsep serba lengkap adat itu telah digantikan oleh konsep kebudayaan dan adat ialah satu bidang dalam seluruh kebudayaan Melayu. Bidang-bidang khusus kebudayaan itu ditanggap pula dengan konsep tertentu seperti ekonomi, agama, politik, kekeabatan atau sebagainya. Maka tinggalah adat itu sebagai suatu warisan budaya zaman lama yang semakin kabur dan sempit pengertiannya dan sering disamakan sebagai warisan kuno dan kolo dalam kebudayaan Melayu yang harus diubah atau ditinggalkan sahaja.

 Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Navis, A.A. 1984. *Alam Terkembang Jadi Guru*. Jakarta: PT Grafiti. Ter Haar, B. 1948. *Adat Law in Indonesia*. New York: Institute of Pacific Relations. Wilkinson, R.J. 1971. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hooker, M.B. 1910. *Readings in Malay Adat Law*. Singapura: Singapore University Press.

ZAINAL KLING